

20 DEC 2002

Mahathir-Harijadi/I

DR MAHATHIR DIRAIKAN SEMPENA HARIJADI KE 77

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diraikan dengan lagu `selamat harijadi' oleh wakil media dan anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno sempena harijadi ke 77 beliau hari ini.

Lagu harijadi itu dinyanyikan impromptu di akhir sidang media selepas mesyuarat MT yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir di ibu pejabat parti di sini, hari ini.

Berdiri di belakang kerusi eksekutif, Dr Mahathir nampak segan -- pada satu ketika menyembunyikan mukanya di belakang kerusi itu -- tetapi penuh riang dengan jurugambar mengambil kesempatan merakamkan gambar telatah Perdana Menteri itu.

Apabila ditanya mengenai hajat beliau, Dr Mahathir berkata: "Saya mahu negara terus kekal aman dan membangun supaya saya boleh berundur tanpa perlu rasa sedih."

Perdana Menteri telah menyatakan hasratnya untuk berundur daripada jawatan beliau pada Oktober depan.

Tiga jam sebelum itu semasa tiba bagi mesyuarat MT, anggota MT kakitangan ibu pejabat Umno menyampaikan pulut kuning kepada Dr Mahathir menandakan harijadi beliau.

Dr Mahathir dilahirkan pada 20 Dis, 1925 di Kampung Seberang Perak di Alor Star, Kedah. Beliau merupakan anak bongsu kepada Mohamad Iskandar dan Wan Tempawan Wan Hanafi, daripada sembilan orang anak.

Dr Mahathir mula memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat pada 16 Julai, 1981 dan sejak itu menjadi penggerak utama di sebalik pembangunan negara dan pelbagai pencapaian cemerlang baik di peringkat tempatan ataupun antarabangsa.

-- BERNAMA

HS MAM PR